

02 DEC 1999

Nik Aziz-Mahathir

NIK AZIZ DAN HADI RANCANG JUMPA PM

KOTA BAHARU, 2 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Menteri Besar baru Terengganu Abdul Hadi Awang merancang bersama-sama mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri tidak lama lagi.

Nik Aziz berkata beliau akan berbincang dengan Abdul Hadi mengenai tarikh perjumpaan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Insya-Allah, selepas ini saya akan berpakat dengan Ustaz Hadi untuk berjumpa Datuk Seri Dr Mahathir kerana kita satu sama lain patut ucap tahniah dan syabaslah (atas kemenangan pada pilihan raya Isnin lepas)," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

PAS menguasai kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu pada pilihan raya itu.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am PAS yakin kejayaan PAS mengekalkan pemerintahan di Kelantan bagi tempoh tiga penggal berturut-turut tidak akan menjejaskan bantuan dan peruntukan kerajaan pusat kepada negeri ini.

"Tak ada sebab Perdana Menteri yang ada sekarang ini nak sekat. Beliau tahu Kelantan negeri persekutuan dan kita perlu bekerja rapat dan ini amalan demokrasi kerana rakyat diberi peluang penuh untuk memilih (kerajaan)," katanya.

Nik Aziz turut menyelar kenyataan beberapa pemimpin Umno Kelantan dan menganggap mereka "ahli politik tiada kelas" apabila katanya sanggup memarahi rakyat kerana tidak memilih Umno.

Beliau bagaimanapun memuji Tengku Razaleigh Hamzah, Pengerusi Badan Umno Kelantan, yang katanya matang apabila menerima secara terbuka kekalahan Umno di negeri ini.

Nik Aziz juga berharap kerajaan pusat selepas ini akan menyalurkan bantuan peruntukan tahunan terus kepada kerajaan dan bukan lagi melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) walaupun jabatan itu diakuinya menjalankan tanggungjawab dengan baik untuk membantu melaksanakan pembangunan di Kelantan.

Ditanya mengenai dakwaan DAP bahawa parti itu tewas teruk pada pilihan raya ini berpunca daripada hubungannya PAS, Nik Aziz berkata alasan itu tidak berasas kerana hubungan yang dijalin selama ini adalah atas sukarela dan bukan paksaan.

"Orang lain tak salahkan PAS, Parti Keadilan (Nasional) pun tak salahkan PAS, PRM (Parti Rakyat Malaysia) tak salahkan PAS. Kita jatuh dan salahkan orang lain, ini tak betul," katanya.

Beliau bersetuju PAS akan rugi jika hubungan dengan DAP terputus kerana beliau sebagai pemimpin utama PAS ingin hubungan itu kekal bagi kebaikan bersama.

"Saya selama-lamanya hendak kepada perpaduan dan hendak pada hubungan. Kalau DAP boleh perbetulkan kedudukan dia dan bekerja kuat semula dengan PAS, saya bersyukur dan ucapkan terima kasih banyak," katanya.

Mengenai manifesto PAS di Kelantan, Nik Aziz berkata beliau akan melaksanakannya sedaya upaya tetapi seperti kelazimannya ia tidak boleh dibuat sekali gus.

"Ada perkara boleh dibuat sekali gus, ada perkara mesti buat melalui proses masa dan ada yang tak boleh dilaksanakan langsung. Cita-cita sebuah parti memang begitu tetapi dari segi keikhlasan kita untuk melaksanakan manifesto, tetap kita ikhlas," katanya.

Nik Aziz juga meminta maaf kepada pemimpin dan penyokong Umno yang merasa tersinggung berikutan sikap segelintir penyokong PAS yang bertindak

keterluan seperti mengejek anggota Umno selepas kemenangan PAS dalam pilihan raya pada Isnin.

"Saya telahpun nasihatkan bahawa orang PAS mesti tenang, jangan mengejek dan berdendam. Ini ajaran Islam. Itu boleh jadi anak-anak muda yang tak berapa rapat dengan usrah kami barangkali mereka terbawa-bawa suka sangat...", katanya.

-- BERNAMA

RAR RON